

07/12/2000

Perlis tiada masalah bina Sekolah Wawasan

KANGAR, Rabu - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, yakin pembinaan Sekolah Wawasan di Perlis dapat dijalankan dengan lancar kerana tiada sebarang tentangan daripada mana-mana pihak.

Beliau berkata, kerajaan negeri sedang mengenal pasti sebuah tapak seluas kira-kira 16 hektar sama ada di Kuala Perlis atau Pauh untuk mendirikan sekolah terbabit.

"Di Perlis keadaannya setakat ini bagus kerana tiada bantahan kecuali apa yang dilakukan oleh kumpulan tertentu di Kuala Lumpur," katanya mengulas penubuhan Sekolah Wawasan di Perlis.

Beliau ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco, di sini, hari ini.

Isnin lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan pendidik ekstrimis Cina yang menolak konsep Sekolah Wawasan sebagai penentang proses menyatupadukan rakyat pelbagai kaum di negara ini.

Perdana Menteri berkata, mereka bukan mempertahankan bahasa Cina atau pelajaran dalam bahasa Cina tetapi sengaja membangkitkan isu itu supaya dapat menghalang perpaduan di kalangan masyarakat majmuk.

(END)